



KEMENTERIAN KERJA RAYA

## KENYATAAN MEDIA

### **KKR TINJAU PROJEK INFRASTRUKTUR DI KOTA TINGGI, PASTIKAN MANFAAT KEPADA RAKYAT TERUS DIPERKASA**

**KOTA TINGGI, JOHOR** – Timbalan Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Datuk Seri Dr Ahmad Maslan, telah turun padang bersama pegawai Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kota Tinggi bagi meninjau pelaksanaan projek pembangunan serta menilai penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat setempat.

2. Lawatan ini selaras komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan pembangunan jalan, jambatan, bangunan awam dan fasiliti pendidikan dilaksanakan dengan berkesan demi kesejahteraan rakyat.

3. JKR Daerah Kota Tinggi memaklumkan penyelenggaraan meliputi Jalan Persekutuan sepanjang 772.91 km dan Jalan Negeri 135.59 km merangkumi kerja rutin, berkala, turapan dan bukan turapan, saluran, pemetung serta cerun.

4. Sehingga April 2026, sebanyak RM42.863 juta diperuntukkan bagi penyelenggaraan Jalan Persekutuan termasuk pembaikan jalan, sistem perparitan serta penambahbaikan perabot jalan dan papan tanda.

5. Dalam masa sama, tiga projek jalan Persekutuan bernilai RM10 juta dan satu projek mitigasi banjir Kerajaan Negeri bernilai RM2.3 juta sedang dilaksanakan.

6. Sebanyak 10 projek bangunan Persekutuan bernilai RM85.7 juta dan satu projek Negeri bernilai RM2 juta turut dilaksanakan melibatkan pembinaan mahkamah, klinik kesihatan, sekolah sukan, masjid, institut latihan kemahiran dan kuarters.

7. JKR turut merancang projek baharu di Pengerang bagi menyokong pertumbuhan penduduk susulan pembangunan Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC).

8. Selain itu, 24 projek tambahan blok sekolah dirancang sebagai perintis penempatan murid 6 tahun ke Darjah 1 pada 2027 menggunakan kaedah modular dan IBS, dengan lapan projek diberi keutamaan mulai Mei dan selebihnya secara berperingkat.

9. Sebanyak RM8.6 juta turut diperuntukkan bagi tiga projek naik taraf dan penyelenggaraan bangunan institut latihan, sekolah dan pejabat kerajaan.

10. KKR kekal komited memastikan semua projek dilaksanakan mengikut jadual, mematuhi piawaian keselamatan dan kualiti, serta memberi impak langsung kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi setempat.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ X KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

#TAMAT#

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**21 APRIL 2026**

#KKR  
#KearahKesejahteraanRakyat  
#KerajaanMADANI  
#MADANIBekerja  
#KerajaanMADANIrakyatdisantuni